

Guru2 diingat: Jangan menanggung di air keroh

# Tuntutan melalui kesatuan saja akan dilayan- Mahathir



Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 16 NOV.

MM 17 NOV 1974

**M**ENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir bin Mohamad berkata hari ini beliau sedia berunding mengenai masalah tuntutan para guru hanya menerusi kesatuan mereka.

Tuntutan atau permintaan dari guru perseorangan atau golongan guru tertentu yang tidak sah tidak akan dilayan oleh kerajaan, katanya.

"Hanya melalui kesatuan guru sahaja, segala permintaan atau tuntutan akan saya layani dan cuba membuat keputusan mana-cabang dan sederhana bagi memuaskan pihak guru di samping menjaga kepentingan negara," tambahnya.

132

Menteri itu berucap demikian semasa merasmikan persidangan perwakilan tahunan pertama Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) di Dewan MTUC di Petaling Jaya di sini.

Dr. Mahathir berkata, beliau sering menerima rombongan terdiri dari guru perseorangan atau golongan tertentu yang mengemukakan masalah masing-masing tetapi dukacita ia tidak dapat dilayan kerana tidak menerusi kesatuan.

## Bergabung

Memandangkan hal itu, beliau mencadangkan kesatuan-kesatuan kecil bergabung dalam satu kesatuan besar dan tunggal seperti Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Malaysia (FCMCA) supaya segala masalah dipertimbangkan dengan cepat dan mudah.

Dr. Mahathir menjelaskan gabungan seumpama itu sangat penting bagi menggalakkan perpaduan di antara guru yang merupakan pengaruh besar di kalangan murid-murid.

Beliau mengingatkan guru-guru dan ibubapa supaya jangan "menanggung di air keroh" bagi kepentingan tertentu seperti menggalakkan murid-murid memulaukan kelas atau menjalankan lain-lain "tindakan liar."

Di sebaliknya guru-guru hendaklah menambah pengetahuan dalam bidang-bidang akademik dan iktibas di samping memperjuangkan kepentingan mereka seperti mendapatkan syarat perkhidmatan atau tangga gaji yang lebih baik.

Mereka hendaklah sentiasa sedar tentang perubahan dalam isi kurikulum dan kaedah mengajar selaras dengan perkembangan pesat negara ini.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menekankan bahawa kelulusan akademik semata-mata belum menjamin seseorang guru itu baik sehingga ia dapat menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-murid dengan lebih positif.

Katanya guru-guru seharusnya mempunyai sifat-sifat kemuliaan bagi menjamin ketinggian profesyen perguruan.

Guru-guru hendaklah mengamalkan sikap sederhana dalam perhubungan sehari mereka supaya dihormati oleh murid-murid.

"Perhubungan yang terlalu "business like" atau terlalu lembut hendaklah dielakkan", katanya.

Beliau menerangkan, sikap business-like akan mengeneipkan unsur kemanusiaan sebaliknya terlalu lembut pula akan merosakkan disiplin.

Presiden kongres antara bangsa bagi kesatuan sekerja bebas (ICFTU), Encik P P Narayanan menggesa KPPK mengambil peranan lebih aktif dalam semua perkara pelajaran yang melibatkan beribu-ribu pelajar seperti kecliran murid-murid, pertukaran buku teks dan penagihan dadah.